

Agong dan Permaisuri Berangkat ke Majlis Santapan Canselor MSU

Bernama

Jun 22, 2014

SHAH ALAM, 22 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah malam Ahad berkenan berangkat ke Konsert Menjunjung Kasih sempena Majlis Santapan Malam Canselor Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) di Dewan Canselor di sini.

Tuanku Hajah Haminah merupakan Canselor MSU.

Keberangkatan Seri Paduka berdua ke universiti itu disambut Presiden MSU Prof Tan Sri Datuk Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid dan Pro Canselor MSU Tan Sri Datuk Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Konsert menjunjung kasih dan majlis santapan itu dianjurkan bersempena upacara konvokesyen ke-15 universiti itu semalam.

Mohd Shukri dalam ucapannya berkata seramai 922 graduan dari 51 bidang pengajian menamatkan pengajian mereka.

Beliau berkata 95 peratus daripada jumlah graduan yang dilahirkan MSU mempunyai kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang yang dipelajari dan kebanyakannya mampu membina kerjaya dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.

Justeru itu, katanya MSU akan terus berusaha menjana lebih ramai graduan kompetitif yang berfikiran kritis, kreatif serta inovatif pada masa depan dalam memenuhi keperluan negara dan peringkat global.

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan hiburan Datuk Jamal Abdillah, Jay Jay dan Ziana Zain.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048400>